

Prospek mantap ekonomi dorong BNM kekal OPR

Prospek ekonomi negara yang semakin stabil dijangka mendorong Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sepanjang tahun ini, demikian menurut penganalisis.

Bank pusat menerusi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) dijadual mengadakan mesyuarat penetapan OPR pertama bagi 2026 pada Khamis ini.

CIMB Treasury and Markets Research dalam satu nota pasaran berkata, tiada jangkakan untuk pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas dan bank pusat dijangka mengekalkan OPR tanpa perubahan pada mesyuarat dasar monetari pada bulan ini dan sepanjang 2026.

Firma penyelidikan itu berkata, hal ini kerana anggaran awal

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat 2025 mencatat kejutan positif apabila berkembang 5.7 peratus tahun ke tahun, lebih tinggi berbanding jangkakan konsensus 5.4 peratus dan unjuran 5.3 peratus serta mengatasi pertumbuhan 5.2 peratus pada suku ketiga 2025.

Katanya, prestasi suku akhir yang lebih kukuh itu mendorong pertumbuhan ekonomi tahunan 2025 kepada 4.9 peratus, sedikit lebih rendah berbanding 5.1 peratus pada 2024 namun melebihi unjuran awal 4.8 peratus.

Menurutnya, pertumbuhan itu didorong oleh prestasi yang lebih meluas merentasi sektor utama.

"Berdasarkan momentum semasa, unjuran pertumbuhan ekonomi 2026 disemak naik kepada

4.4 peratus daripada 4.1 peratus sebelum ini.

"Semakan itu disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan, meskipun diimbangi oleh jangkakan penyederhanaan dalam sektor pembuatan," katanya dalam nota yang disediakan oleh Ketua Penyelidik, Michelle Chia; Ahli Ekonomi Kanan, Lim Yee Ping dan Ahli Ekonomi, Chew Khai Yen.

CIMB Treasury and Markets Research menjelaskan lagi, OPR dijangka kekal tidak berubah berikutan ketiadaan kebimbangan terhadap tekanan inflasi, meskipun pertumbuhan ekonomi menunjukkan prestasi yang lebih kukuh.

Ia berkata, inflasi diunjurkan

purata sekitar 1.5 peratus tahun ke tahun pada 2026, berbanding 1.4 peratus bagi tempoh 11 bulan 2025, tanpa petunjuk jelas peningkatan tekanan harga.

Menurutnya, keadaan itu disokong oleh kos tenaga dan kos input yang kekal rendah, sekali gus mengehadkan risiko kenaikan inflasi.

Selain itu, potensi kenaikan harga juga dijangka terhad berikutan tiada perubahan lanjut terhadap harga barangan terkawal, selepas kenaikan duti eksais alkohol dan tembakau pada November lalu.

"Dalam ketiadaan tekanan inflasi, kenaikan OPR tidak dianggap berkemungkinan walaupun ekonomi mencatat pertumbuhan lebih memberangsangkan.

"Jangkaan OPR kekal tidak berubah sepanjang 2026 turut disokong oleh anggaran jurang output sekitar sifar peratus serta kadar neutral dianggarkan pada 2.75 peratus.

"Bagaimanapun, perkembangan dasar monetari akan terus dipantau, khususnya sebarang isyarat perubahan nada dasar atau bahasa yang lebih berhati-hati dalam kenyataan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada mesyuarat akan datang," katanya.

Firma itu menjelaskan, prestasi ekonomi menunjukkan kejutan positif dalam sektor perkhidmatan apabila mencatat pertumbuhan 5.4 peratus tahun ke tahun, mengatasi jangkakan awal 5.0 peratus.